

# Usah ghairah hingga berpecah: Mahathir

# Umno mesti

# tumpang

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan ahli Umno jangan ghairah melakukan sebarang perkara yang boleh memecah-belah dan melemahkan parti menjelang pilihan raya nanti.

Presiden Umno juga meminta 1,894 perwakilan yang memenuhi Dewan Merdeka Pusat Dagangan Dunia Putra sewaktu menyampaikan ucapan dasar di perhimpunan agungnya ke-38 di sini hari ini, supaya mengutamakan parti.

Beliau menegaskan, pemimpin yang lemah bagi parti yang kukuh dan tumpat adalah lebih baik dan berkesan daripada pemimpin yang kuat dalam parti lemah dan berpecah belah.

"Kita tidak akan menang jika parti kita kalah. Kita tidak akan kalah jika parti kita menang. Dalam pilihan raya, yang penting bukan individu tetapi parti. Justeru itu utamakanlah parti.

"Amatlah tidak logik jika kita mengharapkan semua pihak menyokong kita apabila kita bertanding, tetapi kita tidak menyokong jika orang lain bertanding," tegasnya dalam ucapan lebih sejam setengah itu.

Perdana Menteri berkata, mereka yang hari ini mendapat tempat dan kedudukan harus ingat bahawa tempat dan kedudukan itu mereka peroleh kerana sokongan orang lain.

"Janganlah mereka tidak aktif apabila penyokong mereka dahulu pula mendapat peluang untuk bertanding sedangkan mereka digugurkan, mung-

kin selepas berkali-kali menikmati sokongan dan mendapat tempat," katanya.

Perhimpunan Agung Umno kali ini adalah yang terbesar dalam sejarah parti itu berikutan kehadiran perwakilan dari 12 bahagian baru. Semua ahli Majlis Tertinggi termasuk Timbalan Presiden, Datuk Seri Anwar Ibrahim, hadir. Turut diundang ialah pemimpin parti komponen Barisan Nasional dan wakil kedutaan asing.

Dr Mahathir meminta perwakilan jangan terlalu yakin dan lalai dengan persediaan untuk menghadapi pilihan raya. Walaupun persediaan untuk pilihan raya umum sudah dibuat oleh bahagian dan cawangan Umno di seluruh negara, ia perlu ditingkatkan lagi.

Menurut Perdana Menteri, Umno tidak mungkin sempurna atau bebas seratus peratus daripada kecacatan. Bagaimanapun, ahli dan pemimpinnya perlu berusaha ke arah kesempurnaan.

"Umno tidak harus kalah. Sokongan kepada kita cukup kuat. Ahli kita cukup. Pekerja kita cukup. Peruntukan pun cukup, jika tidak ada perbelanjaan yang keterlaluan.

"Mereka yang percaya bahawa hanya peruntukan yang boleh menentukan kejayaan adalah salah. Kegagalan lebih disebabkan oleh sikap dan usaha yang tidak bersungguh-sungguh. Bagi yang betul-betul berusaha, peruntukan memainkan peranan sampingan sahaja," katanya.